

09 FEBRUARI 2018

24 penagih direman 14 hari

JUMAAT 9 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

24 penagih direman 14 hari



Penagih dadah yang ditahan dibawa ke mahkamah untuk direman.

JOHOR BAHRU - Seramai 24 penagih dadah direman selama 14 hari sehingga 21 Februari ini.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Johor Bahru, Faridatul Farrah Mohd Shukri berkuatkuasa semalam.

Tempoh penahanan reman itu dibuat mahkamah selepas membenarkan permohonan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Kesemua adalah rakyat tempatan berusia 18 hingga 51 tahun terdiri daripada pekerja buruh am dan ulat parkir yang ditahan dalam satu operasi bersepadu dan Ops Cegah yang dijalankan antara AADK, polis dan Jabatan Sukarelawan (Rela).

Seramai 26 individu ditahan pada operasi yang dijalankan di sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang antara jam 8 pagi hingga 6 petang kelmarin, namun hanya 24 daripada mereka direman.

Operasi diketuai Penolong Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK Johor, Mohd Faisal Maksom.

Kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1983 dan kesemuanya dibawa ke Pusat Tahanan Reman AADK di Tampin, Melaka.